

404 sekolah menengah terpilih laksana PVMA

Bandar Baru Nilai: Kementerian Pendidikan akan melaksanakan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) mulai tahun ini di 404 sekolah menengah terpilih.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata ini memabatkan 10,100 pelajar yang kini mengambil mata pelajaran vokasional.

Katanya, PVMA adalah antara usaha Kementerian Pendidikan melalui transformasi pendidikan vokasional untuk memperkakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

“Sebelum ini, 80 sekolah menengah vokasional dinaik taraf menjadi Kolej Vokasional dan 85 sekolah menengah pula melaksanakan pendidikan asas vokasional.

Peluang lanjut pelajarn di 4 universiti

“Lepasan Kolej Vokasional yang mempunyai Diploma Vokasional Malaysia pula berpeluang melanjutkan pelajaran ke empat universiti di bawah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia,” katanya dalam teks ucapan dibacakan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim.

Razali mewakili Timbalan Perdana Menteri, merasmikan mesyuarat Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPK) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, semalam.

MPPK dianggotai pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPA) Universiti Awam dan Swasta, politeknik, kolej komuniti dan persatuan mahasiswa Malaysia di luar negara.

Tindakan susulan

Dr Ahmad Zahid berkata, penekanan terhadap TVET antara tindakan susulan hasil mesyuarat MPPK tahun lalu apabila pemimpin MPA mahu kerajaan bertindak terhadap isu pengangguran dalam kalangan belia.

Katanya, TVET akan memberi tumpuan kepada transformasi penyampaian bagi memenuhi permintaan industri dan meningkatkan tarikan bidang itu sebagai laluan pendidikan pilihan.

“Ini akan meningkatkan jumlah pengambilan bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke bidang TVET sebanyak 45 peratus menjelang 2020, berbanding 36 peratus sekarang,” katanya.

Info

4 universiti di bawah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia

- **Universiti** Malaysia Perlis (UNIMAP)
- **Universiti** Malaysia Pahang (UMP)
- **Universiti** Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- **Universiti** Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)